

**Sekretariat Ditubuh Didik Peneroka Felda Mengenai Pelaburan  
Bernama  
27 Mac, 2012**

SHAH ALAM, 27 Mac (Bernama) -- Tiga badan bukan kerajaan (NGO) Felda bersama Persatuan Remisier Bumiputera Malaysia (Pribumi) menubuhkan Sekretariat Pendidikan Pelaburan Peneroka Generasi Felda (S3PGF) yang akan menjelajah seluruh negara bertujuan menerangkan kepada peneroka tentang selok belok pelaburan saham.

Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF), Gabungan Peneroka Generasi Wawasan Felda Kebangsaan (Gempak) dan Persatuan Pengamal Undang-undang Generasi Felda Malaysia (PPUGFM) mengambil inisiatif itu ekoran permintaan peneroka yang mahu belajar lebih jelas mengenai kelebihan pelaburan dan pasaran saham.

Timbalan Pengerusi GWGF Datuk Abdullah Abu Bakar memberitahu pemberita bahawa S3PGF akan mula turun padang mulai Khamis ini di Felda Kerteh 6 di Terengganu bagi menerangkan tentang pasaran saham, aspek perundangan yang terlibat serta faedah yang diperoleh.

Beliau berkata sepanjang sesi jelajah itu juga peneroka akan didedahkan tentang peluang untuk menyertai pelaburan pasaran saham yang terdapat di negara ini serta khidmat nasihat dari pakar yang turut sama semasa sesi penerangan berkenaan dijalankan.

"Peneroka yang berminat boleh membuka pelaburan mereka semasa siri jelajah ini diadakan di kawasan mereka," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655137>